

SULIT

**BAHASA MELAYU**

**PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA  
YAYASAN ISLAM KELANTAN**

**BAHASA MELAYU 2**

Markah penuh Kertas Dua ialah 110 markah. Cara pengiraan  $110/110 \times 100 = 100\%$

**Sealan 1- Rumusan (30 markah)**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
  - (a) Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
    - o Nama khas, contohnya: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
    - o Perkataan yang berganda: contohnya; Berkata-kata
    - o Penggunaan kata depan : contohnya – ke hadapan, di rumah
    - o Tarikh: contohnya – 1 November 2013
    - o Angka yang ditulis dengan nombor satu perkataan, contohnya: 107, dua ratus sepuluh
    - o Gelaran, contohnya – Tan Sri Datuk Wira Haji Suhaimi bin Harun
  - (b) Perkataan yang dikira lebih daripada satu Contohnya: Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO (3 perkataan)
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja dan selebihnya tidak perlu diperiksa
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap

Bahagian	Markah
✓ Pendahuluan/ pengenalan	2
✓ Isi tersurat	4 - 12
✓ Isi tersirat	4 - 12
✓ Penutup/ Kesimpulan	2
Jumlah Maksimum	20

- \* Kesimpulannya dalam jawapan rumusan, pelajar boleh memberi 2 isi tersurat dan 6 isi tersirat, 3 isi tersurat dan 5 isi tersirat dan 4 isi tersurat dan 4 isi tersirat dan seterusnya.

Markah isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Markah isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4

SULIT

**BAHASA MELAYU**

**(b) Bahasa (10 markah)**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah isi	Markah bahasa	Huraian Bahasa
Baik	15 - 20	8 - 10	-Kesinambungan isi -Struktur ayat/ tatabahasa masih baik -kosa kata yang luas -tanda baca/ ejaaan juga baik
Sederhana	4 - 7	4 - 7	-kesinambungan isi masih baik -struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan -tanda baca/ ejaaan juga memuaskan
Lemah	1 - 6	1 - 6	Pada keseluruhan dalam kekurangan/ tidak memuaskan

**NOTA:**

1. Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah antara 100-120 patah perkataan, berikan 0 markah bahasa.  
(Markah bahasa, maksimum : 10 markah)
2. Markah bahasa tertakluk kepada markah isi:  
Markah maksimum untuk bahasa ialah separuh daripada markah isi yang diperolehi seperti di bawah:

MARKAH ISI	MARKAH MAKSIMUM BAHASA
19 - 20	10
17 - 18	9
15 - 16	8
13 - 14	7
11 - 12	6
9 - 10	5
7 - 8	4
5 - 6	3
3 - 4	2
1 - 2	1
0	0

Markah Isi = Pendahuluan + Isi Tersurat + Isi Tersirat

Gunakan Simbol: P=Pendahuluan S=Isi Tersurat T= Isi Tersirat B=Bahasa dan K=Kesimpulan

SULIT

## BAHASA MELAYU

### Soalan 1 (30 markah)

#### PENGENALAN (2 markah)

Petikan membincangkan langkah-langkah penyediaan makanan yang selamat oleh pengendali makanan di Malaysia.

Petikan membincangkan teknik-teknik penyediaan makanan yang selamat dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Petikan membincangkan langkah-langkah penyediaan makanan yang selamat oleh pengendali makanan di Malaysia.

Petikan membincangkan usaha-usaha penyediaan makanan yang selamat oleh pengendali makanan di Malaysia.

2m (Terima yang lain jika bersesuaian)

Jika

Petikan membincangkan langkah-langkah penyediaan makanan yang selamat. 1m

Petikan membincangkan cara-cara penyediaan makanan yang selamat oleh pengendali makanan di Malaysia. 0m.

#### Isi tersurat: Langkah-langkah (2m @1)

1. Amanan membasuh tangan sebelum dan ketika penyediaan makanan

2. peralatan dan permukaan kerja hendaklah dibersihkan dengan air bersih dengan campuran larutan cecair antibakteria

3. Tuala untuk mengelap tangan perlu ditukar sekiranya mungkin

4. bahan mentah dan bahan yang sudah dimasak hendaklah diasingkan

5. Makanan mentah perlu diletakkan pada tingkat yang lebih rendah daripada makanan yang sudah dimasak di dalam peti sejuk

6. Tempoh penyimpanan makanan di dalam peti sejuk perlu juga diambil perhatian

7. Makanan hendaklah dimasak cukup lama untuk memastikan bahagian tengah makanan tidak terlepas daripada haba

8. Semua makanan yang sudah dimasak

#### Isi tersurat: Halangan yang dihadapi (2m @1)

1. Sikap pengguna yang tidak mengambil berat terhadap makanan yang selamat.

2. Pengendali makanan mementingkan keuntungan semata-mata.

3. Kurang pemantauan oleh pihak berkuasa ke atas premis perniagaan makanan.

4. Pengendali makanan tidak menjalani kursus.

5. Kurang peralatan moden yang lebih lengkap oleh pengendali makanan

6. Kurang pengetahuan tentang kepentingan makanan selamat.

7. Tiada pengalaman/ pekerja sering bertukar ganti

8. Pengendali makanan masih gemar

SULIT

## BAHASA MELAYU

dan dibiarkan pada suhu bilik perlu dimakan dalam masa dua jam selepas dimasak	menggunakan cara lama yang tidak selamat
--	--

#### KESIMPULAN

Kesimpulannya, semua pihak perlu menitikberatkan aspek penyediaan makanan dengan selamat agar kesihatan penduduk terjamin.

Kesimpulannya, semua pihak perlu peka terhadap penyediaan makanan yang selamat agar kes keracunan makanan dapat dikurangkan.

Kesimpulannya, pihak berkuasa perlu memantau aspek penyediaan makanan oleh pengendali makanan demi menjaga kesihatan penduduk.

2m@1

### Soalan 2 - Pemahaman (35 markah)

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : 9 markah

Soalan 2(b) : 9 markah

Soalan 2(c) : 8 markah

Soalan 2(d) : 9 markah

#### Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga 2(d).

1. Jawapan mestilah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan mestilah dalam ayat yang sempurna dan lengkap.
3. Jika disalin bulat-bulat keseluruhan daripada teks dan jawapan itu betul/tepat, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperlukan sahaja.
4. Kesalahan ejaan dan bahasa hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah daripada markah keseluruhan yang diperoleh untuk setiap soalan.
5. Jawapan bagi soalan 2(b), 2(c), dan 2(d) mestilah berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu yang ditetapkan.
6. Jawapan dalam bentuk nota ringkas tolak  $\frac{1}{2}$  markah.

### Soalan 2 (a) : Petikan Umum – 9 markah.

- (i) Maksud rangkai kata **merentas budaya** ialah

Merangkumi semua jenis kehidupan bangsa di negara kita	2
Tanpa mengira apa jua jenis atau cara kehidupan bangsa di negara kita	2
Merangkumi semua cara kehidupan bangsa	2
Mencakup semua aspek cara kehidupan bangsa di negara kita	2

[Maksimum : 2 markah]

SULIT

**BAHASA MELAYU**

- (ii) Cara untuk menentukan supaya makanan itu masak dengan sempurna ialah

Menggunakan suhu optimum pada 70 darjah Celsius untuk membunuh kuman bahaya.	1
Melihat daging yang dimasak tidak seharusnya berwarna merah jambu pada bahagian tengah.	1
Bagi masakan sup dan rebusan yang menggunakan ketuhar, makanan itu dikira masak apabila wap panas kelihatan keluar.	1
Terima jawapan dalam petikan sahaja. Tidak terima idea KBAT pelajar	

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat saya, pengguna di negara kita gemar membeli makanan di gerai-gerai di tepi jalan sedangkan makanan itu belum tentu selamat untuk dimakan kerana

Sikap ambil mudah kerana mahu menyenangkan diri mereka dan keluarga	2
Mahu cepat kerana mereka tidak mempunyai masa untuk memasak di rumah	2
Mereka mahu mengubah selera dan membuat pilihan yang banyak	2
Mereka tidak begitu cekap dalam masakan dan terpaksa membeli di mana-mana sahaja	2
Mereka tidak melihat cara pengendali makanan itu menyediakan makanan	2
Dan mereka menganggap makanan itu selamat dimakan	2
Masyarakat negara kita masih lagi kurang sedar tentang akibat buruk makanan yang terdedah	2
Mereka sibuk dengan urusan pekerjaan dan tidak ada masa yang sesuai untuk memasak bila sampai di rumah	2
Terima isi lain jika idea pelajar didapati sesuai	2

[Maksimum : 4 markah]

**Soalan 2 (b) Petikan Drama – 9 markah**

- (i) Kata-kata Sabariah yang menyentuh perasaan ibunya Jimah ialah

Emak raung dengan air mata darah pun sudah tidak berguna lagi.	1
Bapa sudah tidak ada.	1
Mayatnya mungkin sudah hilang	1

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, seorang ibu dapat menjaga sepuluh orang anak tetapi sepuluh orang anak belum tentu dapat menjaga seorang ibu kerana

sikap anak yang tidak mempunyai didikan agama	2
anak-anak mempunyai tanggungjawab terhadap keluarganya	2
anak-anak sibuk dengan pekerjaan	2
sikap ibu bapa yang tidak boleh tinggal bersama anak-anak	2
kasih sayang ibu terhadap anak tidak sama dengan kasih sayang anak terhadap ibu	2

SULIT

SULIT

**BAHASA MELAYU**

ibu berasa perit dan susahnya untuk memperoleh seseorang anak	2
anak-anak hari ini tidak boleh tinggal bersama dengan ibu apabila sudah berkahwin	2
anak-anak tinggal berjauhan dengan ibu	2
jiwa seseorang ibu sanggup berkorban untuk anak	2
anak-anak zaman sekarang tidak pandai hendak menghargai orang tua	2

[Maksimum : 4 markah]  
Terima idea lain yang sesuai

- (iii) Dua pengajaran dalam petikan:

Kita hendaklah bersabar menghadapi ujian hidup. Sani bersabar menghadapi sikap Sabariah yang menghinanya.	1
Kita janganlah bersikap ego dalam kehidupan. Sabariah bersikap ego terhadap Sani.	1
Kita janganlah terlalu emosional terhadap seseorang. Sabariah terlalu emosional terhadap Sani.	1
Kita hendaklah bertindak secara rasional. Sabariah sepatutnya bertindak secara rasional untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh ibunya.	1
Kita hendaklah menegur seseorang dengan cara yang berhemah. Sabariah sepatutnya menegur Sani dengan cara yang berhemah.	1
Pengajaran dalam drama pula: Kita hendaklah bersyukur kepada Tuhan. Pak Man bersyukur kerana dia bernasib baik dan selamat daripada malapetaka tsunami.	1
Kita hendaklah memohon ampun atas kesalahan yang dilakukan. Sabariah memohon maaf daripada ibunya dan Sani atas sikap buruk yang ditunjukkan olehnya.	1
Kita hendaklah menjauhi daripada sikap mencuri harta orang. Wahid dan Senin sepatutnya tidak mengambil kesempatan untuk mencuri ketika penduduk kampung mengalami tsunami.	1

[Maksimum: 3 markah]

**Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik – 8 markah**

- (i) Maksud rangkai kata “tersangkutlah hatinya” ialah

Jatuh cinta	2
Perasaan mula berkenan	2
Jatuh hati	2
Tertarik	2
Perasaan suka kepadanya	2

[Maksimum: 2 markah]

SULIT  
YIK - SKEMA - TKT 5

**SULIT**

**BAHASA MELAYU**

- (ii) Tindakan Khoja Maimun sebelum pergi belayar ialah

Ia memohon izin kepada isterinya	1
Lalu dipeluk dan diciumnya akan isterinya yang cantik molek itu.	1
ia menaruh akan dua ekor burung untuk isterinya.	1

[Maksimum: 3 markah]

- (iii) Pada pendapat saya,

Wajar Khoja Maimun meninggalkan isterinya seorang diri di rumah kerana	
Isterinya mampu menjaga kehormatan suami agar imej tidak tercelar.	2
Isterinya mampu menjaga keselamatan harta benda agar tidak dikhianati	2
Isterinya seorang yang baik dan boleh berdoa agar suami berada dalam keadaan sihat dan selamat.	2
Isterinya boleh menjaga kehormatan dirinya agar tidak tercemar	2
Sukar untuk menjalankan urusan jika isteri ada bersama	2
Tidak wajar kerana	2
Bahaya keselamatan isteri semasa berada di rumah seorang diri	2
Banyak fitnah akan timbul kerana isterinya seorang yang cantik	2
Boleh bawa isteri bersama untuk membantu urusannya	2

(Terima mana-mana 3 jawapan yang sesuai atau mana-mana idea lain)

[Maksimum: 3 markah]

**Soalan 2 (d) Gurindam – 9 markah**

- (i) Maksud rangkap pertama gurindam di atas ialah

nasihat diberikan kepada pelajar agar berhati-hati dalam memilih sahabat	1
dan hendaklah mencari sahabat yang baik supaya menjadi teladan atau mendatangkan faedah kepada kita.	1

[Maksimum: 2 markah]

- (ii) Pendapat saya semangat setia kawan dapat dipupuk dalam kalangan pelajar adalah dengan cara  
(beri 2m setiap satu isi yang diberi bersama contoh yang sesuai atau hurai)

mestilah jujur dalam persahabatan. Persahabatan akan kekal lama.	2
mestilah menghormati hak rakan. Permusuhan tidak akan berlaku	2
mestilah sentiasa bekerjasama. Masing-masing saling memahami	2
mestilah sentiasa bersabar apabila menghadapi dugaan. Semasa berkawan banyak ujian berlaku.	2
hendaklah memberi pujian atau sanjungan kepada kawan. Kawan akan sentiasa merasa dirinya dihargai.	2

**SULIT**

**BAHASA MELAYU**

membantu kawan ketika susah. Kawan akan berasa gembira	2
janganlah fitnah kepada kawan. Fitnah boleh memutuskan persahabatan.	2
berkunjung ke rumah sahabat. Hubungan akan bertambah erat	2
menegur secara berhemah atas kesilapan. Rakan akan bertambah percaya kepada kita.	2

2 isi sahaja Terima juga pendapat yang lain

[Maksimum: 4 markah]

- (iii) Dua persoalan yang terdapat dalam gurindam ialah:

Persoalan <b>kepentingan berkawan dengan sahabat yang baik budi pekerti</b> . Sahabat yang baik boleh menjadi pengubat kepada kita terutama ketika kita menghadapi masalah.	1 1/2
Persoalan <b>semangat setia kawan dalam persahabatan</b> . Jika memilih sahabat yang setia sudah tentu hubungan persahabatan akan menjadi mesra, baik dan juju sepanjang masa.	1 1/2
Persoalan <b>pentingnya memilih guru yang baik</b> . Guru yang baik akan mengajar kepada kita tentang kebaikan dan keburukan sehingga kita menjadi orang yang berguna.	1 1/2
Persoalan <b>pentingnya memilih isteri yang baik</b> . Isteri yang baik akan patuh kepada Allah dan hormat kepada suami serta boleh melahirkan kehidupan yang harmoni.	1 1/2
Persoalan <b>kejujuran dalam persahabatan</b> . Kawan yang baik hati, setia, teguh, dan hormat-menghormati amat perlu dicari untuk mengukuhkan persahabatan dan melahirkan insan yang jujur.	1 1/2

Markah 1 1/2 @1 terima 2 isi sahaja [Maksimum : 3 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa, – 30 markah**

- Soalan 3 (a) - 6 markah**  
**Soalan 3 (b) - 6 markah**  
**Soalan 3 (c) - 6 markah**  
**Soalan 3 (d) - 6 markah**  
**Soalan 3 (e) - 6 markah**

**Soalan 3 (a) Membina ayat**

Peringatan:

1. Beri 1m bagi setiap ayat yang betul.
2. Beri  $\frac{1}{2}$  m sekiranya terdapat kesalahan tatabahasa/ejaan/ayat hampir tepat/ayat tidak jelas.
3. Jika membina lebih daripada satu ayat, ayat itu diperiksa dan ambil jawapan yang terbaik sahaja.
4. Jika calon membina kedua-dua perkataan tersebut dalam satu ayat, terima ayat sebagai satu perkataan sahaja dan beri 1m.
5. Perkataan berkenna digunakan sebagai peribahasa, 0 markah.
6. Perkataan berkenna digunakan sebagai nama khas, 0 markah.

SULIT

**BAHASA MELAYU**

7. Ayat yang dibina tidak logik/tidak menunjukkan apa-apa maksud/tidak menunjukkan pemahaman, tolak ½ markah
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat/menampakkan satu ayat tetapi sebenarnya lebih daripada satu ayat, tolak ½ markah.
9. Sengaja tinggalkan imbuhan/memasukkan imbuhan, beri 0 markah.
10. Perkataan digunakan sebagai cogan kata, 0 markah.

Ayat contoh

- (i) bergopoh-gapah (Pada pagi itu, kelihatan Ali bergopoh-gapah menuju ke rumah Pak Leman)
- (ii) hentam-menghentam (Puak yang bertelagah hentam-menghentam antara satu sama lain dalam mesyuarat itu)
- (iii) kekanak-kanakan (Perangainya masih kekanak-kanakan walaupun sudah dewasa)
- (iv) kepura-puraan (Dia akan mendedahkan segala kepura-puraan yang dilakukan oleh pemimpin itu)
- (v) sekonyong-konyong (Sekonyong-konyong saya terdengar budak kecil sedang menangis di dalam bilik itu)
- (vi) timang-timangan (Timah itu ialah nama timang-timangan semasa kecil sahaja)

[6 markah]

**Soalan 3 (b) Golongan kata**

**kata nama, kata kerja, kata adjektif atau kata tugas.**

1. Beberapa = Kata tugas
2. pokok = Kata nama
3. tumbang = Kata kerja
4. juga = Kata tugas
5. pendek = Kata adjektif
6. ladang = Kata nama

1@1m atau 1 betul beri 1 markah.

[6 markah]

**Soalan 3 (c)**

	Salah	Betul
(i)	<u>hakmilik</u>	<u>hak milik</u>
	<u>pembayaran</u>	<u>membayar</u>
(ii)	<u>deligasi</u>	<u>delegasi</u>
	<u>berbincang</u>	<u>membincangkan</u>
(iii)	<u>Kolestrol</u>	<u>Kolesterol</u>
	<u>edaran</u>	<u>pengedaran</u>

SULIT

**BAHASA MELAYU**

Perhatian: jika calon mengeja kolesterol = 0m  
Betul = Kolesterol (Tidak perlu menulis ayat semula)

[6 markah]

**Soalan 3 (d)**

	Salah	Betul
(i)	perbahasan	pertandingan
	di atas	atas
(ii)	pemeriksaan	pemantauan
	Oleh kerana	Oleh sebab
(iii)	mengubah	menjejaskan
	senarai barang-barang	senarai barang

1 @ 1m tidak perlu menyalin ayat semula

[6 markah]

**3(e) peribahasa**

- (i) Untung sabut timbul, untung batu tenggelam  
Situasi : mencuba nasib di Kuala Lumpur
- (ii) Seperti mendapat durian runtuh  
Situasi : mendapat banyak keuntungan
- (iii) Yang dikendong tak dapat, yang dikehjari berciciran  
Situasi : menutup restoran dan membuka syarikat pembinaan yang akhirnya muflis

(Terima peribahasa yang lain atau hampir sama jika sesuai. Tidak perlu tulis situasi)

[6 markah]

SULIT

**BAHASA MELAYU**

**Soalan 4 : Novel (Markah penuh 15 markah)**

4 a - 7 markah  
4 b - 8 markah

Perhatian bagi soalan 4

1. Jawapan mestilah berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari.
2. Jawapan bagi (a) mestilah berdasarkan satu novel sahaja, dan (b) dua buah novel.
3. Jawapan mestilah dalam bentuk ayat sempurna dan lengkap.
4. Jika tidak nyatakan nama watak, tetapi jawapan betul beri 2 markah bagi setiap isi.
5. Kesalahan bahasa dan ejaan tolak  $\frac{1}{2}$  markah.
6. Beri 1 markah bagi pernyataan yang benar dan 1 markah bagi contoh/huraian.
7. Huraian dan contoh sahaja beri 0 markah.
8. Contoh soalan 4 (a)  

$$\begin{aligned} \text{1 perwatakan watak utama + huraian} &= 2m + 1m = 3m \\ \text{1 perwatakan watak sampingan + huraian} &= 2m + 1m = 3m \\ (\text{Markah maksimum ialah } 6m \text{ kemudian } + 1m \text{ bahasa} &= 7m) \end{aligned}$$
9. Contoh soalan 4 (b).  

$$\begin{aligned} \text{1 peristiwa + huraian} &= 1+2m = 3m \\ \text{1 peristiwa + huraian} &= 1+2m = 3m \\ (\text{Markah maksimum beri } 6 \text{ markah}) \text{ kemudian } + 2m \text{ bahasa} &= 8m \end{aligned}$$

JAWAPAN

4(a) Novel yang dikaji ialah Novel Renyah karya Gunawan Mahmood. Watak utama ialah Datuk Dolhi manakala watak sampingan ialah Tengku Munir

	Perwatakan	Contoh dan Huraian
1	Beliau suka membaca buku	Datuk Dolhi seorang ahli perniagaan yang sangat rajin membaca buku. Beliau membaca pelbagai jenis buku dari barat sebagai persiapan untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman. Peluang ini juga digunakan untuk mendapat input dan idea baru ketika menyampaikan ceramah motivasi dan membentangkan kertas kerja.
2	Beliau berfikiran jauh dan bijak bertindak	Datuk Dolhi berfikiran jauh dan bijak bertindak apabila membuat keputusan mengumumkan pelantikan anaknya Wahi sebagai pengurus Syarikat Perniagaan Dolhi-Albert Holding menggantikan tempatnya. Pelantikan ini telah menamatkan cita-cita Albert Lee untuk merampas empayar niaga Dolhi-Albert Holding.
3	Beliau seorang yang tabah menghadapi dugaan hidup	Datuk Dolhi telah mengalami ujian hidup yang amat getir kerana keluarganya sudah mengalami kesibuk akibat perlakuan buruk anak-anaknya. Beliau tabah menghadapi

SULIT

**BAHASA MELAYU**

		ujian ini. Hasnol terlibat dengan rasuah, Ilham diburu oleh pihak berkuasa kerana menganjurkan tunjuk perasaan, Mukhlis menjadi tidak siuan dan Dani pula terlibat dengan dadah dan ditangkap oleh pihak berkuasa.
4	Seorang yang suka memberi rasuah	Tengku Munir ini banyak melibatkan unsur rasuah dalam perniagaannya. Dia selalu menyogokkan wang kepada pegawai kerajaan, menteri dan exco untuk mendapatkan projek. Dia tidak mempunyai perasaan aib dalam perlakuan ini.
5	Seorang yang bersikap tamak	Tengku Munir tidak berpuas hati tender yang dipohnnya sebanyak 12 itu hanya 4 sahaja diluluskan. Dia marah dan mengugut Hastiol supaya memberi sogokan kepada exco-exco agar mereka meluluskan kesemuanya. Tengku Munir berasa tidak cukup dengan 4 tender itu kerana dia telah menyupap sebanyak RM500 ribu kepada Hasnol.
6	Seorang panas baran	Tengku Munir mudah naik angin dan berang apabila dia tidak berpuas hati. Sikapnya itu tidak menyenangkan hati Hasnol apabila berbincang fasal projek. Hasnol terketar-ketar apabila bercakap dengan Tengku Munir. Dia seorang yang bengis dan mempunyai banyak pengawal peribadi.

Terima watak sampingan yang lain

4(a) Novel yang saya kaji ialah Novel Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan. Watak utamanya ialah Bujei dan watak sampingannya ialah Alias.

	Perwatakan	Contoh dan Huraian
1	Seorang yang suka menolong orang lain	Bujei suka memberi pertolongan tenaga kepada orang lain terutama di tempat kenduri. Semasa kenduri perkahwinan Same'ah di rumah Sidang Saman, tenaga Bujei banyak digunakan untuk membantu kerja-kerja di bahagian luar rumah. Dia tidak menolak permintaan orang apabila meminta pertolongan daripadanya.
2	Seorang yang penyayang	Bujei seorang yang penyayang terhadap ibunya Fatimah. Dia sanggup menerkam marah terhadap bapa tirinya Harun yang menzalimi ibunya. Dia juga meraung-raung semasa hendak menyelamatkan ibunya yang terperangkap dalam kebakaran angkara kejahatan bapa tirinya Harun.
3	Seorang yang berani mempertahankan harta benda	Bujei mula berani melawan Alias yang telah merosakkan radionya. Dia telah menuntut ganti rugi sebanyak RM80. Kedegilan Alias menyebabkan Bujei mengambil parang untuk menetaknya dan ingin membakar motosikal Alias. Akhirnya pertelingkahan itu dapat dilerakan oleh Sidang Saman. Neneknya Opah Arah membayar ganti rugi itu.
4	Dia seorang	Adila bertegas tetap menolak dan tidak mahu kembali

SULIT

**BAHASA MELAYU**

	berpendirian tegas	kepada Faizal setelah Faizal mengecewakannya. Faizal ialah bekas tunangnya yang telah mengecewakannya kerana berkahwin dengan wanita lain. Dia tidak lagi mempercayai kepada lelaki yang bernama Faizal.
5	Dia seorang yang sabar menghadapi dugaan hidup	Adila tetap bersabar menghadapi dugaan hidupnya kerana ada orang berdengki, khianat, dan sanggup mencemarkan imejnya. Perbuatan jahat Alias menabur fitnah dengan menyatakan bahawa Adila terkena AIDS. Fitnah itu sedikit pun tidak mendatangkan kesan kepada dia dan dia sendiri tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas Alias.
6	Dia seorang yang prihatin	Adila sangat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh seseorang. Dia prihatin terhadap nasib malang yang menimpa ke atas Bujei dan cuba mengajar Bujei supaya hidup berdikari. Dia prihatin terhadap Sahak dan sanggup menderma darahnya untuk Sahak setelah Sahak terlibat dalam kemalangan.

**JAWAPAN SOALAN 4(b)**

**PERISTIWA YANG MENGGEMBIRAKAN**

Novel Renyah

1. Peristiwa menerima anugerah khidmat cemerlang

Amara telah menerima anugerah perkhidmatan cemerlang sebagai Tokoh Pendidik Cemerlang Negeri daripada YB Wahab Menteri Tugas-Tugas Khas. Amara merupakan seorang guru muda yang gigih menjalankan tugas sebagai pendidik. Peristiwa ini menggembirakan Amara dan keluarganya Datuk Dolhi serta ibunya Datin Tominah. Datuk Dolhi dan Datin Tominah hadir dalam majlis tersebut

2. Peristiwa menyerahkan tugas pengurusan perniagaan

Dalam mesyuarat terakhir ahli lembaga pengarah Syarikat Perniagaan Dolhi-Albert Holding Datuk Dolhi telah mengumumkan pengundurannya daripada menerajui syarikat. Sebaliknya dengan perasaan tenang beliau mengumumkan pelantikan Wahi iaitu anaknya sebagai penggantinya. Peristiwa sungguh menggembirakan hati Datuk Dolhi yang ingin merehatkan diri dalam dunia perniagaan dan mahu anak-anaknya menguruskan perniagaan sebagai penggantinya.

3. Peristiwa menyambut kepulangan orang baru

Datuk Dolhi dan Datin Tominah serta anak-anaknya berkumpul pada malam itu untuk menunggu kepulangan Wahi dan Yuka. Rumah mereka terang dengan cahaya lampu. Datin Tominah memeluk Yuka tanda gembira dan boleh menerima kehadiran Wahi walaupun sebagai anak tirinya. Peristiwa ini sungguh menggembirakan Datuk Dolhi

SULIT

**BAHASA MELAYU**

kerana selama ini menghadapi kemelut rumah tangga berhubung status Wahi. Hati Datuk Dolhi menjadi tenang melihat Datin Tominah dapat menerima Wahi.

4. Peristiwa menerima sejambak bunga

Setelah menerima anugerah Tokoh Pendidik Cemerlang Amera telah menerima sejambak bunga daripada seorang lelaki yang tidak mau memperkenalkan dirinya sebagai tanda ucapan tahniah. Bunga itu dibeli dari Mekar Florist. Amera menjadi tertanya-tanya dan hatinya berdebar-debar atas pemberian itu. Tetapi dia cukup gembira menerima sejambak bunga itu.

5. Peristiwa merisik perkahwinan anak tokoh korporat + huraian

**NOVEL SUTERA DALAM LUKISAN**

1. Peristiwa membimbang remaja yang abnormal

Adila membimbang di bawah pokok belimbing besi berhampiran dengan rumah Sidang Saman. Adila telah mengajar Bujei supaya menjadi insan yang baik dan berpengetahuan. Pertemuan Bujei dengan Adila telah berlarutan sehingga Bujei menjadi insan yang normal. Kejayaan itu sungguh menggembirakan hati Adila. Adila begitu jujur mendidik Bujei. Bujei pula tidak pernah mengkhianati Adila sehingga Adila terpikat dengannya.

2. Peristiwa menyampaikan nyanyian pada malam pengantin

Bujei telah diminta oleh Alias untuk menyampaikan nyanyian pada malam pancaragam sempena perkahwinan Same'ah. Alias ingin memalukan Bujei. Tetapi tidak disangka, Bujei telah menyampaikan lagu Bahtera Merdeka dengan lunak dan mempersonakan orang ramai pada malam itu. Tindakan Bujei itu telah menggembirakan Adila dan keluarga Sidang Saman di samping mengejutkan penduduk kampung.

**BAHASA MELAYU KERTAS 1**

**JUMLAH MARKAH KERTAS 1 IALAH 130 MARKAH**

Cara pengiraan =  $130/130 \times 100 = 100\%$

Markah bersih / muktamad itu hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kiri pada halaman pertama karangan. Caranya seperti berikut:  
A = 27      B = 94

Jumlah 121 = 93% (Markah bersih 93 hendaklah ditulis dalam bulatan yang disediakan/ mesti disediakan oleh pemeriksa jika tiada bulatan).

SULIT

## BAHASA MELAYU

### KRITERIA PENSKORAN BAHASA MELAYU KERTAS 1 KERTAS 1 BAHAGIAN A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (30 markah)

Peringkat	Tema	Bahasa	Wacana	Idea
<b>Cemerlang 26-30 markah</b>  atas 28-30 bawah 26-27	-Tepat dengan tema bahan rangsangan yang diberi	-Ayat dan penggunaan kata yang gramatis -Tanda baca dan ejaan yang betul dan tepat -Kosa kata yang luas dan tepat	-Lengkap dan menarik -Ada bermacam-macam unsur bahasa -Ada ungkapan yang menarik seperti peribahasa, kata-kata hikmat, cogan kata dan lain-lain	-Relevan dengan bahan rangsangan -Huraian yang jelas, mantap dan matang.
<b>Kepujian 20-25 markah</b>  atas 23-25 bawah 20-22	-Tepat dengan tema bahan rangsangan yang diberi	-Ayat dan penggunaan kata yang gramatis -Tanda baca dan ejaan yang betul dan tepat -Terdapat kosa kata yang luas	-Lengkap -Ada bermacam-macam unsur bahasa	-Relevan dengan bahan rangsangan -Huraian yang jelas
<b>Memuaskan 15-19 markah</b>	-Masih tepat dengan tema bahan rangsangan yang diberi	-Ayat dan penggunaan kata yang masih gramatis -Tanda baca dan ejaan yang betul dan tepat -Kosa kata yang bersifat umum	-Masih lengkap dan menarik -Masih ada ada bermacam-macam unsur bahasa	-Masih relevan dengan bahan rangsangan -Huraian masih jelas
<b>Kurang Memuaskan 10-14 markah</b>	-Kurang menepati dengan tema bahan rangsangan yang diberi	-Ayat dan penggunaan kata yang kurang gramatis -Terdapat tanda baca dan ejaan yang tidak betul dan tidak tepat -Tidak mempunyai kosa kata yang luas dan tepat -Kesalahan tatabahasa yang ketara	-Kurang lengkap dan tidak menarik -Tidak ada unsur bahasa yang ber variasi	-Masih relevan dengan bahan rangsangan -Huraian yang tidak jelas, dan kurang mantap
<b>Pencapaian</b>	-Tidak	-Tidak	-Tidak memuaskan	-Tidak

SULIT

## BAHASA MELAYU

### Minimum 01-09 markah

mnenjukkan penguasaan kemahiran menulis	memahami tema bahan rangsangan	-Tidak lengkap	menepti tema bahan rangsangan
--	-----------------------------------	----------------	-------------------------------------

Isi yang dicadangkan:

Pendahuluan:

Pengguna secara umum

Situasi pengguna hari ini

Bagaimana menjadi pengguna yang bijak

Isi

1. Menyenaraikan barang yang hendak dibeli
  - senarai sebelum keluar membeli di pasar raya
  - boleh mengelakkan daripada membeli secara berlebihan
  - mengutamakan yang lebih penting
  - dan peribahasa
  - penegasan
2. Membandingkan harga sebelum membeli
  - mengenal pasti pasar raya atau kedai yang menjual harga murah
  - akan memperoleh harga yang murah
  - tidak tertipi dengan harga yang mahal
  - slogan/ cogan kata
  - penegasan
3. Memilih barang yang berkualiti
  - barang berkualiti memberi jaminan kepada pengguna
  - tidak tertipi
  - banyak mempelajari daripada pengguna yang lain
  - peribahasa
  - penegasan

Penutup

Cara menjimatkan perbelanjaan. Perbelanjaan berhemat ini perlu bermula dari rumah. Ciri pengguna yang bijak. Amalan yang digalakkan dalam agama Islam. Pembaziran merugikan kehidupan manusia.

### BAHAGIAN B : Karangan Respons Terbuka (100 markah)

Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.

KRITERIA	DESKRIPSI
<b>1. BAHASA (Mekanis)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kegramatisan</li> <li>- kata (morfologi)</li> <li>- ayat</li> </ul>

SULIT

**BAHASA MELAYU**

	(sintaksis) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanda baca</li> <li>• Ejaan</li> </ul>
<b>2. LARAS (Dinamis)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan kosa kata</li> </ul>
<b>3. IDEAS (ISI)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tema</li> <li>• Isi utama</li> <li>• Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)</li> <li>• Relevan</li> </ul>
<b>4. PENGOLAHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wacana</li> <li>• Logik</li> <li>• Pemerengganan</li> <li>• Format</li> </ul>
<b>5. GAYA BAHASA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keindahan bahasa</li> <li>• Ungkapan</li> <li>• Peribahasa</li> </ul>

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul.</li> <li>• Laras bahasa sesuai dengan tugasan</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat</li> <li>• <b>Idea relevan</b> mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b></li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> </ul>

SULIT

**BAHASA MELAYU**

<b>KEPUJIAN</b>	<b>66 – 79</b> (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugasan.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat</li> <li>• <b>Idea relevan</b> mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa</b> masih bervariasi.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik (peribahasa, pantun, cogan kata).</li> </ul>
<b>BAIK</b>	<b>51 – 65</b> (58 – 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>ayat majmuk</b> gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> masih betul.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum</b>.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> masih menarik, dan pemerengganan masih sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> masih lengkap</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> </ul>
<b>MEMUASKAN</b>	<b>36 – 50</b> (43 – 50)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> terhad.</li> <li>• Ayat kurang gramatis.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum</b> dan terhad.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai.</li> </ul>

SULIT

**BAHASA MELAYU**

<b>KURANG MEMUASKAN</b>	(36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Pengolahan kurang menarik, pemerengganan kurang sesuai.</b></li> <li><b>Wacana masih / kurang lengkap</b></li> <li><b>Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi.</b></li> <li><b>Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</b></li> </ul>
	21 – 35	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Penggunaan kata kurang tepat.</b></li> <li><b>Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami.</b></li> <li><b>Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</b></li> <li><b>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</b> dan huraihan tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li><b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li><b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li><b>Unsur bahasa</b> tidak bervariasi.</li> <li><b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> </ul>
	(28 – 35)	
<b>PENCAPAIAN MINIMUM</b>	(21 – 27)	
	01 – 20	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis.</b></li> <li><b>Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</b></li> <li><b>Idea bercampur aduk dan huraihan tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</b></li> <li><b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li><b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li><b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li><b>Keseluruhan karangan sukar difahami.</b></li> </ul>
	(11 – 20)	
	(01 – 10)	

SULIT

**BAHASA MELAYU**

**MARKAH MAKSIMUM**  
**BAGI KARANGAN KURANG DARIPADA 350 PATAH PERKATAAN/ TERPESONG ISI DAN LAIN DARIPADA TAJUK**

Jumlah Perkataan	Tahap pemeriksaan ikut peringkat	Markah maksimum
300 – 349	Baik atas	69
251 – 299	Baik bawah/ Memuaskan atas	50
Kurang 251	Memuaskan bawah	40
Terpesong isi Lebih 350	Baik atas	60
Terpesong isi 300 - 349	Memuaskan bawah	40
Terpesong isi 251 - 299	Kurang memuaskan atas	31
Terpesong isi Kurang 251	Kurang memuaskan bawah	24

**PEMOTONGAN MARKAH**

**A | PEMOTONGAN MARKAH UNTUK EJAAN YANG SALAH**

- ½ markah dipotong untuk setiap ejaan yang salah tetapi tiada pemotongan markah pada kesalahan yang berulang.
- Pemotongan markah keseluruhan (Maksimum) ialah 5 markah sahaja.
- Ejaan hendaklah menggunakan Sistem Ejaan Baru Malaysia/Indonesia. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau jawi.

Semasa memeriksa, tandakan kesalahan - kesalahan isi, bahasa, dan ejaan seperti berikut:

- ( ) kesalahan isi.  
 \_\_\_\_\_ kesalahan bahasa, penggunaan perkataan dan frasa  
 / kesalahan ejaan yang pertama  
 // kesalahan ejaan yang berulang  
 0 kesalahan tanda bacaan

(Kesalahan kata majmuk juga dianggap sebagai kesalahan ejaan)

**CADANGAN JAWAPAN SOALAN KERTAS 1 UNTUK BAHAGIAN B**

**Skema Kertas 1 Bahagian B**

- Diharap calon dapat menulis peranan anda sebagai ketua pengawas yang boleh dilakukan untuk menangani masalah disiplin. Calon-calon perlu nyatakan cara dan kaitkan dengan masalah disiplin yang berlaku. (Contoh menghormati dan patuh ajaran guru dapat mengatasi semua jenis masalah disiplin, mengadakan minggu disiplin untuk mengatasi sikap pelajar membuang sampah, kempen kesedaran kebersihan untuk mengatasi sikap pelajar membuang sampah, kempen kesedaran kontohnya kempen datang awal ke sekolah elak ponteng sekolah, pembimbing rakan sebaya untuk mengatasi semua jenis disiplin, menganjurkan gotong-royong sekolah-sekolah terbilang sebagai panduan membersihkan diri daripada masalah disiplin dan lain-lain)

SULIT

**BAHASA MELAYU**

2. Diharap calon dapat menghuraikan peranan/ usaha-usaha yang dilakukan oleh ibu bapa untuk memupuk anak-anak agar rajin membaca (galakan kesedaran yang diberikan oleh ibu bapa sejak kecil, membawa anak-anak melawat ke pusat pameran buku/ kedai buku/ galeri/ perpustakaan, ibu bapa perlu menjadi contoh atau role model kepada anak-anak- tunjuk minat membaca di hadapan anak-anak, perlu menjadi rumah sebagai landskap yang menarik sebagai tempat membaca-wujud perpustakaan mini, kenakan denda atau tindakan tegas kepada anak-anak yang tidak membaca, membuat jadual membaca di rumah, membeli bahan bacaan yang sesuai untuk dibaca oleh anak-anak, dan lain-lain)
3. Diharap calon dapat menghuraikan tentang kelebihan/ keistimewaan/ Malaysia dalam pelbagai aspek sebagai destinasi pelancongan. Antaranya Malaysia mempunyai banyak tempat yang bersejarah, Malaysia kaya dengan keindahan alam semula jadi yang unik., Malaysia mempunyai kebudayaan yang pelbagai ,Malaysia merupakan surga makanan tradisional dan moden., Malaysia merupakan negara yang aman damai, Malaysia mempunyai prasarana dan infrastruktur yang moden, Malaysia kaya dengan budaya masyarakat, Malaysia mempunyai penduduk yang kaya berbudi bahasa.
4. Diharapkan calon-calon dapat mengemukakan idea tentang impak buruk bagi sebuah negara yang mengalami perubahan iklim tempatan seperti kemarau, hujan lebat, banjir, dan lain-lain (Pemanasan global), kerosakan harta benda, bekalan air dan makanan tidak mencukupi, hubungan serantau terjejas dalam sektor pelancongan, mengganggu kelancaran sistem pengangkutan udara, jerebu, wabak penyakit kian menular dan kematian meningkat, sumber pendapatan negara terjejas, pencemaran meningkat jika berlaku jerebu, dan lain-lain). Calon boleh menghuraikan aspek yang lebih luas)
5. Diharapkan calon dapat menulis sebuah cerpen berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

SULIT

**BAHASA MELAYU**

**SKALA MARKAH BM SPM**

K1+K2	%	K1+ K2	%	K1+ K2	%	K1+ K2	%	K1+ K2	%	K1+ K2	%
240	100	205	85	170	71	135	56	100	42	65	27
239	100	204	85	169	70	134	56	99	41	64	27
238	99	203	85	168	70	133	55	98	41	63	26
237	99	202	84	167	70	132	55	97	40	62	26
236	98	201	84	166	69	131	55	96	40	61	25
235	98	200	83	165	69	130	54	95	40	60	25
234	98	199	83	164	68	129	54	94	39	59	25
233	97	198	83	163	68	128	53	93	39	58	24
232	97	197	82	162	68	127	53	92	38	57	24
231	96	196	82	161	67	126	53	91	38	56	23
230	96	195	81	160	67	125	52	90	38	55	23
229	95	194	81	159	66	124	52	89	37	54	23
228	95	193	80	158	66	123	51	88	37	53	22
227	95	192	80	157	65	122	51	87	36	52	22
226	94	191	80	156	65	121	50	86	36	51	21
225	94	190	79	155	65	120	50	85	35	50	21
224	93	189	79	154	64	119	50	84	35	49	20
223	93	188	78	153	64	118	49	83	35	48	20
222	93	187	78	152	63	117	49	82	34	47	20
221	92	186	78	151	63	116	48	81	34	46	19
220	92	185	77	150	63	115	48	80	33	45	19
219	91	184	77	149	62	114	48	79	33	44	18
218	91	183	76	148	62	113	47	78	33	43	18
217	90	182	76	147	61	112	47	77	32	42	18
216	90	181	75	146	61	111	46	76	32	41	17
215	90	180	75	145	60	110	46	75	31	40	17
214	89	179	75	144	60	109	45	74	31	39	16
213	89	178	74	143	60	108	45	73	30	38	16
212	88	177	74	142	59	107	45	72	30	37	15